

Kenal pasti status tanah dengan PTG

UTUSAN MALAYSIA: Apakah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian berhubung aktiviti mengorek tanah bagi tujuan pengeluaran pasir?

MUHAMMAD YASIR YAHYA: Kita membenarkan pengeluaran pasir di atas tanah hak milik.

Ini bermakna tuan tanah perlu memohon permit jika ingin mengeluarkan sebarang bahan batuan, sebagai contoh kerja tanah yang dilakukan oleh pemaju untuk melakukan kerja mendaan atau mengorek seperti pasir atau tanah merah.

Untuk tujuan pembangunan tidak menjadi halangan kerana aktiviti tersebut dilakukan di tanah milik persendirian.

Tetapi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tanah-tanah yang ada pasir ini tiada, tetapi aktiviti pengambilan pasir banyak berlaku dari dalam sungai-sungai.

Sejauh manakah dakwaan wujudnya aktiviti cuci pasir sungai di Jalan Klang Lama di sini?

Ini sebenarnya tidak berlaku kerana aktiviti di tanah milik persendirian itu hanya melakukan proses mencuci tanah sahaja.

Lori-lori keluar masuk ke situ mengangkut tanah dari lokasi lain ke tapak berkenaan hanya untuk tujuan mencuci malah tanah akan berkecuaan juga dikategorikan sebagai tanah perusahaan.

Namun memandangkan persepsi sesebuah perusahaan perlu mempunyai bangunan, maka pelbagai isu timbul kerana perusahaan mencuci pasir itu tidak sedemikian.

Bagaimanapun, laporan *Utusan Malaysia* berhubung buangan sisa tanah ke tebing sungai berdekatan merupakan kesalah dan mencemarkan sungai.

Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk tindakan di bawah bidang kuasa sedia ada.

7 SOALAN

Jika demikian adakah aktiviti yang dijalankan di tapak berkenaan salah di sisi undang-undang?

Oleh disebabkan tanah persendirian tersebut untuk tujuan perusahaan maka dari sudut undang-undangnya masih kami teliti dan memerlukan pandangan sama ada terdapat sebarang pelanggaran syarat perusahaan atau jenis perusahaan berkenaan aktiviti cuci pasir ini termaktub atau sebaliknya.

Namun seperti yang saya maklumkan, tiada sebarang kerja korek mahupun kecurian pasir di tapak tersebut kerana tanah atau pasir yang di bawa ke situ adalah dari luar dan kemudiannya diproses sebelum diangkut ke tapak-tapak binaan untuk tujuan pembangunan.

Lori-lori pengangkut pasir juga perlu mempunyai kupon atau permit yang diluluskan mana-mana PTG bagi tujuan mengangkut dari satu lokasi ke lokasi yang lain kerana ini melibatkan pemindahan bahan batuan dan galian.

Bagaimanakah sesuatu lesen atau permit untuk aktiviti berkenaan diluluskan?

Pengeluaran permit tidak menjadi masalah selagi ia dipohon mana-mana pemilik namun demikian untuk tujuan apa sesuatu kerja tanah itu mahu dilakukan perlu disusuli dengan penelitian oleh agensi kerajaan yang berkaitan.

Ini termasuk JPS, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) serta agensi lain bagi meneliti sesuatu kerja tanah itu sama ada membahayakan masyarakat setempat atau berpotensi menda-

MUKADIMAH MEMILIKI sebidang tanah di tengah ibu kota Kuala Lumpur adalah satu yang cukup berharga nilainya sama ada tanah tersebut didirikan sebagai sebuah kediaman mahupun perusahaan. Penggunaan tanah di bawah milik persendirian itu adalah menjadi hak bagi setiap empunya tanah untuk melakukan apa sahaja di dalam hartanah tersebut. Namun demikian, kegiatan yang mencurigakan di lokasi tanah persendirian itu kadangkala menimbulkan polemik dan pelbagai dakwaan sama ada aktiviti yang dijalankan salah di sisi undang-undang atau sebaliknya.



Ikuti temubual wartawan *Utusan Malaysia*, **AMIRUL AIMAN ANUAR** bersama juru foto **GAIE UCHEL** dengan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP), **MUHAMMAD YASIR YAHYA** berhubung isu penyalahgunaan tanah dan galian oleh pengusaha yang rakus selain perkara berbangkit mengenai pengurusan tanah sekitar ibu negara.

ngkan kesulitan pada masa depan atau tidak.

Setiap permit atau kelulusan yang diperoleh perlulah dipatuhi pengusaha dari pelbagai sudut kerana kekerapan keluar masuk kenderaan berat seperti lori dan lokasinya di tebing sungai boleh mendatangkan ancaman awam.

Terdapat berapa kategori tanah di Kuala Lumpur?

Terdapat tiga jenis tanah yang dikategorikan iaitu tanah untuk tujuan kediaman, pembangunan dan pertanian.

Bagi tanah-tanah di ibu negara tanah untuk tujuan pembangunan dan kediaman adalah lebih 90 peratus dan selebihnya masih jenis pertanian, bertujuan mengimbangkan sesebuah penempatan mengikut keperluan semasa.

Jika penukaran jenis tanah ingin dilakukan pemilik, proses-

nya perlu melalui PTG dan syarat-syarat pertukaran perlu diteliti sebaiknya sama ada mengikut keperluan atau tidak.

Usaha pembangunan Kuala Lumpur yang ditunjangi DBKL menyaksikan pembangunan seimbang di tanah-tanah miliknya dan PTGWP hanya bertindak sebagai semak dan imbal setiap penggunaan tanah masih di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan sistem percukaian yang terlaksana diikuti pemilik-pemilik tanah.

Boleh terangkan persempadanan Kuala Lumpur yang mengelirukan penduduk?

Seperti sedia maklum Kuala Lumpur merupakan sebahagian daripada Selangor dan persempadanan wilayahnya sebagai ibu negara suatu ketika dahulu dilakukan secara tidak menyeluruh terutamanya persempadanan



KERATAN *Utusan Malaysia* 26 Mei 2016.

bagi pentadbiran PBT. Ini dapat disaksikan sehingga kini di persempadanan antara DBKL dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di Keramat AU yang menyaksikan penduduk terbahagi dua di bawah dua PBT.

Walaupun tanah tersebut didaftar di bawah PTGWP namun pengurusannya di bawah MPAJ iaitu PBT negeri Selangor.

Namun perkara ini tidak begitu serius kerana kesepakatan PBT berhubung pengurusan di sempadan masing-masing yang di amal selama ini amat baik.

Harapan jangka masa pendek dan panjang dalam pengurusan tanah di Kuala Lumpur?

Walaupun baru sebulan saya menjawab kerusi Pengarah PTGWP ini, saya dapat melihat pengurusan tanah pada tahun

depan akan memberi perkembangan positif terutamanya kepada pemilik-pemilik tanah yang diwajibkan membuat permohonan hakmilik strata selepas Rang Undang-Undang berkenaan pemilikan strata diluluskan Dewan Rakyat.

Ini memberi kesan positif dalam menguruskan kutipan cukai-cukai tanah yang lebih cekap kerana tidak perlu lagi diuruskan oleh pengurusan perbadanan setiap bangunan strata yang mempunyai lebih daripada satu pemilik tanah.

Lebih 420,000 pemilik strata di ibu negara selepas ini akan berurusan secara langsung dengan PTG bagi sebarang urusan termasuk cukai tanah dan tidak perlu lagi membebankan pengurusan perbadanan pangsapuri masing-masing.